

PASAR RAYA HARGAI WARGA EMAS

Pada hari ke-22 setiap bulan, pemegang kad AEON E-Money Member Plus Visa berusia 55 tahun dan ke atas kini boleh menikmati diskaun lima peratus untuk semua barangan di rangkaian pasar raya besar AEON BIG Malaysia.

Inisiatif murni itu dilancarkan menerusi program "Golden Generation Thank You Member Day" yang bertujuan memberi penghargaan kepada warga emas dengan menawarkan penjimatan untuk pembelian barangan keperluan harian mereka. Penggatah Urusan AEON BIG, Malayoshi Masuda berkata, pelaksanaan program itu selaras dengan misi syarikat dalam memberikan kembali pulangan seperti penjimatan dan gaya hidup yang lebih baik.

"Kami amat mengasihi warga emas dan iniliah program penghormatan selayaknya buat mereka. Komitmen kami bukan semata-mata menawarkan harga terendah, produk berkualiti, perkhidmatan

dan kemudahan tetapi juga membantu setiap pelanggan termasuk warga emas dengan pelbagai faedah seperti ini," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran program itu di AEON BIG Kepong, di sini.

Majlis itu dirasmikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution dan turut dihadiri Timbalan Ketua-

Setiausahanya, Datuk Badrul Hisham Mohd.

AEON BIG juga mengemukakan penyertaan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) sebagai rakan dagangan yang terdapat di bawah aplikasi mudah alih MyPesara.

Kerjasama itu membolehkan pesara kerajaan menikmati diskaun lima peratus yang ditawarkan AEON BIG dengan tujuan mengu-



SAIFUDDIN beramah mesra dengan pelanggan warga emas.

rangkan kos sara hidup. Sementara itu, Saifuddin menyeru pengusaha pasar raya besar di seluruh negara, menjadikan AEON BIG sebagai contoh apabila turut menyediakan peluang pekerjaan buat golongan berusia 55 tahun ke atas.

"Inisiatif ini membuka peluang pekerjaan kepada warga emas bagi mengisi jawatan tukang masak, pembuat roti dan pembantu jualan dan perlu dicontohi pemain industri dalam bidang sama. "Kita perlu buang tan-

ggapan yang mengatakan usia persaraan sebagai tidak produktif.

"Ketika ini kira-kira dua juta warga emas di Malaysia dan mereka boleh mendapat manfaat daripada program terbahari yang mampu bekerja," katanya.



SAIFUDDIN (dua dari kiri) melancarkan program "Golden Generation Thank You Member Day".